

23/02/1999

Tarikh pilihan raya Sabah ditentu hari ini (HL)

ruddin

KOTA KINABALU, Isnin - Suruhanjaya Pilihanraya (SPR) akan bermesyuarat di Kuala Lumpur esok, bagi menetapkan tarikh penamaan calon dan pengundian bagi pilihan raya negeri kesembilan, berikutan pembubaran Dewan Undangan Negeri (DUN) Sabah, hari ini.

Pegawai SPR Negeri, Abdul Hamid Ali, menerima writ pembubaran DUN Sabah, yang ditandatangani Setiausaha DUN, Ahmad Shah Mohd Talip, pada jam 2.30 petang ini.

Beliau berlepas ke Kuala Lumpur selepas itu untuk menyerahkan writ berkenaan kepada Pengerusi SPR, Datuk Harun Din.

Mengikut Seksyen 21(4) Perlembagaan Negeri Sabah, pilihan raya negeri perlu diadakan dalam tempoh 60 hari selepas DUN dibubarkan.

Ketua Menteri, Tan Sri Bernard Dompok mengumumkan pembubaran DUN di Bangunan Dewan Undangan Negeri pada jam 12.08 tengah hari ini, 24 hari sebelum penggal pemerintahan kerajaan sekarang berakhir.

Pembubaran itu diumumkan selepas dipersetujui oleh Yang Dipertua Negeri, Tun Sakaran Dandai pagi ini.

Mengumumkan pembubaran itu pada sidang akhbar yang penuh sesak, Dompok berkata Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sudah dimaklumkan mengenainya pagi ini.

Sebelum itu, pada jam 9 pagi, Dompok menghadap Sakaran di Istana Negeri, disusuli mesyuarat terakhir Kabinet negeri di DUN, selama satu setengah jam.

Beliau kemudian membaca teks kenyataan selama kira-kira 20 minit sebelum menjawab soalan wartawan.

Pilihan raya negeri yang lalu diadakan pada 18 dan 19 Februari 1994, 39 hari selepas DUN dibubar. Mandat selama lima tahun DUN yang mempunyai 48 kerusi itu berakhir pada 18 Mac ini.

DUN Sabah mempunyai 48 kawasan dan Perlembagaan Negeri memperuntukkan pelantikan enam Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) tambahan, menjadikan 54 kerusi semuanya.

Pada pilihan raya negeri yang lalu, PBS memenangi 25 kerusi untuk membolehkannya membentuk kerajaan. Bagaimanapun, kerajaan PBS hanya mampu bertahan tiga minggu saja apabila ramai Adunnya menyertai parti dalam BN atau menubuhkan parti baru, yang kemudian menjadi komponen BN.

Sehingga DUN dibubarkan pagi ini, 43 kawasan dikuasai BN, empat PBS dan satu diwakili calon Bebas. Enam Adun dilantik, masing-masing tiga daripada BN dan tiga PBS.

Dalam pilihan raya Sabah kali ini, Daftar Pemilih 1998 yang disahkan pada 7 Januari lalu dengan 726,690 pengundi, akan digunakan.

Dompok memulakan sidang akhbar dengan berkata: "Hari ini BN dengan bangganya mengajak rakyat Sabah menilai pencapaian pembangunannya sejak memegang tampuk kerajaan negeri kerana secara keseluruhannya, ia berjaya menunaikan janji membangunkan Sabah."

Sambil menegaskan BN menjanjikan masa depan lebih cemerlang untuk rakyat Sabah, beliau mengajak mereka untuk `Bersama membina masa depan' demi kemajuan negeri dan kesejahteraan rakyat.

Ditanya sama ada beliau akan menemui Dr Mahathir, Dompok berkata: "Saya akan berada di Kuala Lumpur dalam beberapa hari ini untuk menghadiri Persidangan Majlis Raja-Raja..."

Beliau mengakui berasa `lega' kerana akhirnya dapat mengumumkan pembubaran itu.

Beliau berkata, pengagihan kerusi parti komponen BN dan pemilihan calon akan diselesaikan tidak lama lagi.

"Pada dasarnya saya fikir semua parti komponen BN tidak mempunyai perbezaan besar dalam perkara ini. Segala masalah boleh diatasi," katanya.

(END)